



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**BANTUAN BAYARAN YURAN KELAS BIMBINGAN PRA SEKOLAH
MANFAATKAN 5,164 IBU BAPA DARI KANAK-KANAK
MASYARAKAT INDIA B40**

6 Julai 2022, Putrajaya – Selaras dengan usaha Kerajaan bagi meringankan beban kewangan Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) memperuntukkan geran sebanyak RM13,068,862.00 bagi membiayai pendidikan prasekolah kanak-kanak India B40 yang berumur antara 4 hingga 6 tahun.

2. Geran yang akan memberi manfaat kepada 5,164 kanak-kanak dan ibu bapa masyarakat India B40 ini meliputi pembiayaan yuran pendidikan bagi sesi persekolahan tahun 2022/2023 mulai Mac 2022 sehingga Februari 2023 yang disalurkan melalui lima (5) organisasi melibatkan 214 prasekolah di lapan (8) negeri dan Wilayah Persekutuan iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kuala Lumpur. Jumlah peruntukan yang disalurkan mengikut persatuan adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Selain pembiayaan yuran persekolahan, bantuan berkenaan juga adalah termasuk pemberian buku dan lembaran kerja, *starter kit* (pakaian seragam dan alat tulis) serta subsidi bagi penyediaan sarapan pagi untuk kanak-kanak B40 berkenaan.

4. YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara berkata bantuan yang diberikan ini adalah bertujuan memastikan kanak-kanak India B40 turut mendapat peluang mengikuti pendidikan pra sekolah sebagai persediaan untuk memasuki pendidikan

formal darjah satu kelak. Dalam masa yang sama, inisiatif ini dapat meringankan beban kewangan ibu bapa khususnya dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup pada masa ini.

5. YB Menteri Perpaduan Negara juga turut menyatakan bahawa inisiatif ini adalah selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia yang merangkumi tiga (3) teras utama iaitu Kebersamaan, Keterangkuman dan Kesyukuran. “Saya berharap pihak pengurusan organisasi dan pengurusan pra sekolah akan dapat memberikan kerjasama sepenuhnya dalam memastikan kanak-kanak India B40 ini mendapat pendidikan pra sekolah yang terbaik”, kata YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique.

6. KPN melalui MITRA akan terus komited dalam usaha pembangunan modal insan masyarakat India B40.

Kementerian Perpaduan Negara

6 Julai 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041

Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (137)

LAMPIRAN 1

BIL	NAMA NGO	JUMLAH PRASEKOLAH	JUMLAH MURID	JUMLAH KOS
i.	PERSATUAN GURU TADIKA ZON UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA	80	1965	RM4,957,773.60
ii.	PERTUBUHAN PUSAT PEMBANGUNAN KANAK-KANAK CEMERLANG	43	1167	RM2,944,387.68
iii.	CHILD INFORMATION, LEARNING AND DEVELOPMENT (CHILD)	65	1276	RM3,219,399.04
iv.	PERTUBUHAN TADIKA-TADIKA SWASTA (DLS)	14	460	RM1,171,758.00
v.	PERTUBUHAN PRASEKOLAH MALAYSIA	12	296	RM775,543.00
JUMLAH KESELURUHAN		214	5164	RM13,068,862.00

* jumlah kos untuk setiap Organisasi adalah termasuk bayaran kos pengurusan